

Headline **Hutan bakau kurangkan kesan bencana tsunami**
Date **01 Dec 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **14**
Article Size **440 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **19,385**
PRValue **58,154**



Hutan bakau kurangkan kesan bencana tsunami

Program penanaman pokok pulihara pesisiran pantai

TRAGEDI tsunami yang melanda beberapa negara di sekitar perairan Andaman pada pagi 26 Disember 2004 menyebabkan berlaku banyak kemusnahan selain kehilangan nyawa. Beberapa kawasan pesisir di bahagian utara pantai barat Semenanjung turut menerima tempiasnya.

Walaupun apa yang berlaku di Semenanjung tidak sehebat dialami penduduk di Aceh dan Sri Lanka, ia turut mengubah muka bumi pantai dan ekosistem.

Apa pun, kejadian itu membawa kepada kesedaran yang lebih akan pentingnya hutan paya bakau dalam melindungi kawasan pesisiran pantai serta habitat biodiversiti daripada ancaman tsunami dan ombak besar.

Menyedari keperluan menyediakan 'tembok' bagi menghalang kemusnahan sekiranya kejadian sama berulang, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bersama agensi di bawahnya seperti Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM), Jabatan Pengairan dan Saliran, Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan (NAHRIM) merangka program pemuliharaan dan pemeliharaan kawasan terjejas akibat tsunami.

Program dikenali sebagai Penanaman Pokok Bakau dan Spesies-spesies yang Sesuai di Pesisiran Pantai Negara dilaksanakan sejak 2005, tidak sampai setahun selepas kejadian berkenaan dengan matlamat utama memulihara dan memelihara kawasan pesisiran pantai.

Walaupun fizikalnya agak kecil, secara berkelompok po-

Headline	Hutan bakau kurangkan kesan bencana tsunami	Language	Malay
Date	01 Dec 2010	Page No	14
MediaTitle	Berita Harian	Article Size	440 cm²
Section	Nasional	Color	Full Color
Journalist	N/A	ADValue	19,385
Frequency	Daily	PRValue	58,154
Circ / Read	192,982 / 1,521,000		

kok bakau mampu membantu menghalang tiupan angin dan memperlambatkan pergerakan ombak ke kawasan pantai. Pokok bakau dapat memainkan peranan penting ketika ombak besar atau hakisan terletak pada akarnya yang berbentuk jangkang (bagi menguatkan cengkaman untuk tetap tegak).

Akar bakau mampu melambatkan pergerakan ombak kuat berdasarkan proses pemendapan di mana air ombak itu akan 'diserap' olehnya yang akan membawa air itu ke tanah serta daunnya untuk tujuan pembesaran.

Bagi program yang dilaksanakan JPSM ia membabitkan kawasan seluas 8,416 hektar yang mana bukan sekadar negeri yang terjejas akibat bencana tsunami, sebaliknya meliputi beberapa negeri lain di Malaysia.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), RM39 juta diperuntukkan bagi melaksanakan program ini. Sejumlah 2,010 hektar kawasan pesisiran pantai di Malaysia yang sesuai disasarkan untuk program ini.

Usaha ini dilihat dapat menyediakan perlindungan terhadap bencana tsunami pada masa akan datang kerana kawasan ditanam bakau dan spesies pokok bersesuaian mampu menjadi zon penampungan bagi mengelak atau sedikit-tidaknya mengurangkan kemusnahan akibat tsunami dan pukulan ombak besar.

Antara tahun 2005 hingga akhir 2009, Jabatan Perhutanan termasuk melalui kempen kesedaran, NGOs dan penduduk setempat menanam 5,030,057 pokok meliputi 290 lokasi di kawasan seluas 1,828 hektar. Daripada jumlah itu, 633 hektar ditanam dengan 2,574,312 pokok meliputi 52 lokasi di negeri yang

terjejas akibat bencana tsunami seperti Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Selangor.

Untuk tahun 2010, kawasan seluas 144 hektar di lima negeri yang terjejas akibat tsunami disasar untuk ditanam dengan anggaran 432,000 pokok di 25 lokasi dengan jumlah peruntukan kira-kira RM1.59 juta. Sehingga 31 Oktober 2010, 157 hektar, iaitu 109 peratus daripada sasaran tahun ini sudah dicapai.

Apa pun, di sebalik sumbangan besar yang dimainkan pokok bakau dan spesies berkaitan dalam usaha mencegah daripada kemusnahan akibat tsunami dan ombak besar, program ini turut memberikan manfaat sosio-ekonomi yang ketara di samping menyediakan perlindungan kepada kira-kira 60 kampung merangkumi 2,460 rumah dengan jumlah penduduk seramai 12,600 orang.

DENGAN matlamat menerajui pengurusan sumber asli dan pemuliharaan alam sekitar secara lestari ke arah pencapaian wawasan negara, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bertanggungjawab terhadap enam bidang iaitu tanah, mineral, perhutanan, biodiversiti, alam sekitar dan air. Untuk itu, pelbagai program diatur bagi memastikan bumi yang dihuni penduduk negara ini terlindung dan tidak tercemar bagi kebaikan semua pihak selain segala mineral dan hal berkaitan tanah mendapat penguatkuasaan sewajarnya. Berikut adalah lima bidang yang menjadi pengukur Indeks Prestasi Utama (KPI) Bidang Keberhasilan Utama Kementerian (MKRA).



Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Douglas Uggah Embas.

Headline **Hutan bakau kurangkan kesan bencana tsunami**
Date **01 Dec 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **14**
Article Size **440 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **19,385**
PRValue **58,154**



PENANAMAN pokok bakau langkah jangka panjang kerajaan bagi membantu menghalang tiupan angin dan memperlambatkan pergerakan ombak ke kawasan pantai sekali gus mengurangkan kemusnahan akibat tsunami.